

AKADEMIA

PERLU BIJAK MEMILIH

Kebanyakan anak muda kurang menepati potensi, kekuatan dan minat untuk dapat kerjaya yang sesuai

FOKUS

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Kebanyakan anak muda hari ini termasuk lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan belia berdepan situasi keliru dengan jurusan, bidang atau kerjaya yang perlu mereka pilih. Pensyarah Kanan, Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Nur Raihan Che Nawi, ia

berdasarkan pengalaman sebagai penemuduga bagi kemasukan pelajar baharu program Bachelor Pendidikan amban 2025/2026 di UPM Kampus Serdang serta pembabit dalam kajian belia di Selangor dan Pahang termasuk pembentukan Dasar Belia Selangor 2020. Menurutnya, beliau mendapati isu laluan pendidikan/kerjaya selepas SPM ini masih lagi menjadi cabaran besar dalam kalangan belia. Katanya, golongan belia awal berumur 15 hingga 18 tahun umumnya masih keliru dengan potensi diri.

Manakala, belia pertengahan (19 hingga 24 tahun) dan belia akhir (25 hingga 30 tahun) pula tidak mempunyai maklumat mencukupi mengenai laluan kerjaya yang sesuai dengan minat, potensi dan personaliti mereka. "Lebih membimbangkan, ramai yang memilih jurusan hanya kerana 'asal masuk universiti', terpengaruh dengan rakan sebaya atau tekanan keluarga dan bukan berdasarkan kesesuaian dengan potensi diri," katanya.

> 34



PERLU kenal potensi diri.

DARI MUKA 33

Antara faktor utama belia masih keliru mengenai laluan kerjaya ialah kurangnya pendedahan awal mengenai kerjaya yang wujud di pasaran.

Dr Nur Raihan berkata, ramai lepasan SPM tidak pernah didedahkan dengan pelbagai bidang kerjaya semasa di sekolah rendah dan menengah.

"Walaupun terdapat program hari kerjaya, namun pendedahannya masih terhalang menyebabkan ramai yang tertanya, 'mengapa saya tidak tahu ada bidang ini,' katanya.

Selain itu, katanya, ramai pelajar tidak menyedari potensi, kekuatan dan minat diri kerana tidak menjalani penilaian kerjaya secara terancang.

Akuihnya, walaupun unit bimbingan dan kaunseling di sekolah sudah melaksanakan pelbagai program penilaian minat kerjaya, tetapi masih ada yang memandang ringan kepentingannya, sedangkan penilaian ini memberi impak besar kepada masa depan pelajar.

"Kurangnya maklumat menyeluruh berkenaan program pengajian di universiti juga menyumbang kepada kekeliruan.

"Ramai pelajar tidak memahami kaitan antara jurusan yang diambil dengan kerjaya sebenar di pasaran kerja.

"Berdasarkan pengalaman saya mengajar subjek umum merentas fakulti, masih ramai pelajar tahun pertama belum jelas hala tuju kerjaya mereka.

"Hal ini menyebabkan ketidakpadanan antara jurusan dengan peluang kerjaya selepas tamat pengajian nanti," katanya.

Dr Nur Raihan berkata, bimbingan kerjaya sepatutnya perlu dimulakan seawal di Tingkatan Tiga dan bukan ketika mereka sudah melanjutkan pelajaran di universiti.

"Pada tahap ini, pelajar perlu memahami potensi diri dan mula merancang laluan pengajian serta kerjaya sebelum memilih aliran sains, sastera, perdagangan, teknikal, vokasional, agama atau sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) di Tingkatan Empat.

"Selain itu, apabila pelajar membuat penilaian minat, personaliti dan nilai hidup secara terancang, mereka dapat membuat pilihan lebih bijak ketika memohon pengajian ke universiti," katanya.

Dalam konteks UPM dan universiti awam lain, pemilihan jurusan pengajian adalah proses kritikal yang

MASIH KELIRU



MENERUSI perancangan yang teliti graduan yang bukan sahaja mampu berjaya di alam pekerjaan, tetapi juga bermakna kepada masyarakat serta negara. - Gambar hiasan

memberi kesan besar kepada prestasi akademik, motivasi dan kejayaan kerjaya selepas tamat pengajian.

Menurut Dr Nur Raihan, adalah perlu memilih jurusan yang betul kerana jika tersalah pilih, ia memberi impak negatif kepada pelajar.

"Pertama katanya, pelajar akan kehilangan motivasi ketika belajar disebabkan tidak minat terhadap jurusan yang dipilih sekali gus mengakibatkan prestasi akademik merosot dan pelajar mungkin gagal menamatkan pengajian.

"Kedua, pengagungan dalam kalangan graduan. Graduan yang tidak jelas hala tuju atau belajar bidang yang tidak sepadan dengan permintaan pasaran kerja cenderung menganggur lebih lama.

"Mereka mungkin akan bekerja di luar bidang dengan pendapat rendah dan tiada perkembangan kerjaya," katanya.

Impak negatif ketiga



INFO atau maklumat dalam talian berkenaan kesesuaian jurusan juga banyak membantu pelajar membuat pilihan.

adalah pekerja yang tidak bermotivasi di alam pekerjaan.

Hal ini boleh dilihat apabila seseorang pekerja yang bekerja dalam bidang yang mereka tidak minati, akan menjejaskan produktiviti dan kepuasan kerja.

Ini akan memberi kesan kepada organisasi akan

mengalami masalah seperti kadar pemberhentian kerja yang tinggi dan prestasi kerja yang rendah.

Jika merasa sudah tersalah pilih jurusan, jangan putus asa!

Dr Nur Raihan menyarankan pelajar untuk berjumpa dengan pensyarah atau kaunselor.

"Insya-Allah mereka

Pelajar tidak memahami kaitan antara jurusan yang diambil dengan kerjaya sebenar di pasaran

boleh bantu dalam memberi gambaran keseluruhan mengenai jurusan, prospek kerjaya dan strategi menyesuaikan diri.

"Pelajar juga boleh merancang kerjaya berdasarkan gabungan kemahiran dengan menggunakan jurusan sedang diambil sebagai asas dan menambah kemahiran lain secara sampingan.

"Contohnya, menyertai kursus dalam talian, sijil profesional atau aktiviti suka-relawan yang secara tidak langsung memberi nilai tambah kepada pelajar itu sendiri," katanya.

Katanya, jika sudah memilih jurusan yang diminati tetapi ditawarkan pula jurusan lain, pelajar boleh memupuk minat itu perlahan-lahan.

Ramai yang menyangka minat itu mesti wujud sejak awal. Tapi sebenarnya minat juga berkembang apabila seseorang itu sudah mula

faham dan kenal sesuatu bidang yang baharu secara lebih mendalam.

"Misalnya dalam kelas, pensyarah berperanan dalam memberi inspirasi kepada pelajar atau pengalaman pelajar ketika membuat tugas boleh melahirkan rasa minat terhadap bidang yang pada asalnya tidak digemari.

"Berdasarkan pengalaman sendiri, saya akan memberi galakan kepada pelajar untuk terabit secara aktif dalam aktiviti kampus, mengambil kursus tambahan secara dalam talian dalam bidang yang diminati dan juga gunakan peluang latihan industri untuk teroka laluan kerjaya alternatif.

"Dengan ini pelajar masih boleh membina kerjaya yang bidang yang diminati asalkan mereka proaktif dan bijak mengatur langkah," katanya.

Dr Nur Raihan juga berharap pelajar bukan sahaja cemerlang di universiti, tetapi juga individu yang sedar mengenai potensi diri, berani meneroka dan bijak membuat keputusan yang akan membentuk masa depan mereka.

"Dalam konteks memilih jurusan pengajian, nasihat saya kenali diri dulu sebelum memilih.

"Ambil masa untuk menilai minat, kecenderungan dan kekuatan peribadi. Jangan hanya ikut rakan atau tekanan sekeliling.

"Jurusan yang sesuai bukan sahaja membuat pelajar, belajar dengan lebih bersemangat, tetapi juga memudahkannya laluan kerjaya mereka nanti," katanya.

Dalam pada itu, Dr Nur Raihan turut mencadangkan agar belia awal (15 hingga 18 tahun) membuat kajian dan bertanya kepada pensyarah, kaunselor, pelajar senior atau alumni berkenaan jurusan yang diminati.

"Jangan pilih jurusan untuk sekadar masuk universiti. Pilihlah untuk membina masa depan yang anda banggakan.

"Saya percaya dengan bimbingan, sokongan dan kesedaran sendiri, belia kita mampu menjadi pelajar dan graduan yang bukan sahaja berjaya di alam pekerjaan, tetapi juga bermakna kepada masyarakat serta negara," katanya.



Lebih membimbangkan, ramai yang memilih jurusan hanya kerana 'asal masuk universiti,' terpengaruh dengan rakan sebaya atau tekanan keluarga dan bukan berdasarkan kesesuaian dengan potensi diri

DR NUR RAIHAN